

Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang, Jenayahkan Perang

# 'Haramkan peperangan'

BH-6/2/2007

## Elak pembunuhan kejam, kemusnahan tidak dijangkakan: Dr M

Laporan Azman Zakaria  
dan Magendran Rajagopal

**K**UALA LUMPUR: Dunia akan terus berdepan peperangan antara negara kuat dengan yang lemah dan tiada jaminan sesiapa pun dapat terkecuali selagi peperangan tidak diharam atau diisytiharkan sebagai satu jenayah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata dunia akan menyaksikan peperangan yang tidak berkesudahan dengan pembunuhan kejam dan kemusnahan yang tidak dijangkakan.

"Peperangan hari ini tiada sempadannya. Peperangan hari ini perlu diklasifikasi sebagai Perang Dunia kerana senjata nuklear yang digunakan negara kuat, memusnah dan membunuh manusia melampaui zon peperangan.

"Malah senjata daripada sisa uranium membawa kepada kesan ini. Tindak balas mangsa juga tidak ter-

had kepada zon peperangan. Penganas boleh menyerang di mana saja di dunia, New York dan Bali adalah jauh dari tempat peperangan tetapi menerima kesannya.

"Peperangan dan ancaman peperangan, nuklear atau konvensional

**"Peperangan hari ini perlu diklasifikasi sebagai Perang Dunia kerana senjata nuklear digunakan negara kuat, memusnah dan membunuh manusia melampaui zon peperangan"**

**Dr Mahathir Mohamad**  
Pengerusi Perdana Global Peace Organisation

ataupun serangan berani mati boleh berlaku di mana-mana." Katanya ketika berucap pada 'Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang, Jenayahkan Perang' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Perdana Global Peace Organisation, penganjur persidangan itu, berkata kejayaan Malaysia menangani pihak yang menggunakan keganasan bukan semata-mata melalui kuasa pihak keselamatan tetapi dengan memenangi hati dan minda penganas, penyokong dan pihak yang bersimpati.

"Kita menghargai pengorbanan yang dilakukan pihak keselamatan tetapi mereka tahu perjuangan memenangi hati dan minda musuh menyelamatkan banyak nyawa dan membantu kita memenangi perjuangan itu," katanya.


Dr Mahathir berkata, perang di Asia Barat tidak akan berkesudahan

kecuali selepas semua pihak berjaya memenangi hati dan minda rakyat di sana dan sekiranya kuasa besar sedia mengakui serta menghapuskan punca peperangan itu.

"Apabila tersilap, akui kesilapan anda. Menafikan kesilapan tidak akan membantu anda atau sesiapa saja. Menghantar lebih banyak anggota tentera akan hanya mewujudkan lebih banyak sasaran," katanya.

Beliau berkata, satu rangkaian sedunia Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi keamanan perlu diwujudkan bagi menggalakkan pejuang keamanan bercakap di mana-mana saja mengenai menjenayahkan perang.

Selain itu katanya, mereka perlu berusaha menghalang peperangan dan persediaan peperangan serta melakukan apa saja bagi mendapatkan sokongan supaya memasukkan perang sebagai jenayah ke dalam kanun perundangan Komuniti Antarabangsa.



**TANDA PERASMIAN:** Dr Mahathir merasmikan Forum Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang, Jenayahkan Perang di Dewan Merdeka, PWTC, semalam.

BERNAMA